



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

## SUARA MSWG

### **AOB: JURUAUDIT PERLU MENINGKATKAN KAWALAN KUALITI**

Usaha membina kapasiti terus berkembang dengan pantas di Malaysia apabila Suruhanjaya Sekuriti (SC) menyatakan kebimbangan tentang kerja-kerja juruaudit. Antara persoalan yang dibangkitkan baru-baru ini ialah mengenai isu kualiti audit serta gesaan kepada para juruaudit supaya meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.

Kami memuji tindakan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) SC yang mengetengahkan kekurangan yang semakin meningkat dalam kalangan firma audit yang berkaitan pengiktirafan pendapatan, inventori, audit kumpulan dan urus niaga pihak berkaitan. Perkara ini berpotensi membahayakan integriti pasaran modal tempatan. Oleh itu, kami turut teruja dengan pendekatan kerjasama ini serta keinginan mereka untuk membimbing dan memantau usaha pemulihan.

Inisiatif ini juga menawarkan peluang kepada AOB untuk memperkenalkan metodologi segar seperti penambahbaikan pendedahan tentang hal-hal audit utama yang menawarkan pelaporan yang lebih bermaklumat dan khusus kepada keadaan sesebuah syarikat dan bukan pendekatan penyimpan perenggan yang diamalkan sekarang. Walaupun perkara penting dalam sesebuah audit sudah dilaksanakan baru-baru ini, kita perlu mengukur betapa bermanfaat perkara-perkara yang dibangkitkan itu dan sama ada terdapat pertambahan nilai sebenar kepada pengguna penyata kewangan yang diaudit, terutama para pelabur.

Apabila digabungkan audit luar yang berkualiti dengan audit dalaman yang ketat, kita dapat mengesan kecacatan kewangan dan operasi yang dapat membendung potensi kerugian dan pada masa yang sama melindungi kepentingan pemegang saham dalam jangka panjang.

### **AMARAN KEPADA MULTI-SPORTS**

Beralih daripada makro ke mikro, surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Bursa kepada Multi Sports Holdings Ltd yang beribu pejabat di China mengenai kemungkinan penyahsenaraianya pada masa hadapan, terbukti menjadi strategi pengalir kilat yang berkesan dari perspektif pengawal selia barisan hadapan yang berurusan dengan kedegilan kaunter yang tidak mematuhi peraturan dan saban waktu melepasi tarikh akhir penyerahan penyata kewangan.

Setakat ini, Multi Sports telah gagal menyerahkan penyata kewangannya sejak seawal 2015 dan berterusan sehingga beberapa suku tahunan dalam tahun fiskal 2016.

Ketidakpatuhan yang membawa kepada penyahsenaraian sudah digariskan dengan lengkap dalam Syarat Penyenaaraan namun timbul kesukaran apabila mahu mengambil tindakan sebenar. Bursa

bertegas memaklumkan syarikat, 'tiada lanjutan masa diberikan' dan kini terpulang kepada syarikat untuk menyerahkan penyata kewangan berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bursa mungkin lebih tegas dengan mengambil pendekatan berbeza dalam menangani isu ini pada masa akan datang, seterusnya menjadi iktibar yang mendorong syarikat lain yang melakukan kesalahan yang sama untuk mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

## **PENGGABUNGAN BANK**

Pemegang saham sedang menantikan perkembangan utama dalam rundingan penggabungan yang sedang dibincangkan antara RHB dan AMMB.

Kami lebih berminat kepada kesan ke atas kerumitan tadbir urus daripada cadangan penggabungan ini.

Beberapa perkara yang menjadi kebimbangan kami, antaranya gangguan operasi yang disebabkan oleh pengurangan kakitangan, penutupan cawangan serta kemungkinan pelanggaran peraturan anti-persaingan selain pertambahan jurang liputan perbankan terutama di kawasan luar bandar seperti Malaysia Timur.

Adakah dorongan pengawalseliaan di Malaysia akan menghasilkan segelintir kumpulan perbankan yang lebih besar dan lebih kuat yang menyebabkan terhasilnya kumpulan perbankan yang terlalu besar untuk gagal dalam sistem kewangan kita seperti yang berlaku di Wall Street sewaktu Krisis Kewangan Global?

KWAP sudah menyatakan minat untuk mengambil alih saham ANZ dalam entiti yang digabungkan jika penggabungan itu berjaya dilaksanakan. Namun mungkin terdapat beberapa langkah yang dapat mengurangkan kerumitan penggabungan berikutan keahlian KWAP sebagai penandatanganan Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Walaupun Kod tersebut Cuma merupakan garis panduan kepada amalan tadbir urus korporat terbaik, kami yakin dengan potensi kehadiran berpengaruh KWAP untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam proses penggabungan tersebut.

## **PASUKAN MSWG**

*7 Julai 2017*

---

## **PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA**

### ***KUMPULAN JETSON BERHAD ("JETSON")***

Pada 29 Jun 2017, Jetson mengumumkan penerimaan surat penganugerahan oleh anak syarikat milik penuh Syarikat iaitu Jetson Construction Sdn Bhd ("JCSB"), yang dikeluarkan oleh MCC Overseas (M) Sdn Bhd ("MCC") untuk kerja-kerja subkontrak.

Walau bagaimanapun, pada 3 Julai 2017, JCSB menerima surat daripada MCC yang menyatakan MCC berniat untuk membatalkan penganugerahan subkontrak yang berkaitan dengan projek itu atas dasar terdapat dakwaan salah nyata atau tidak mendedahkan perkara tertentu iaitu salah seorang

pemegang saham utama Syarikat merupakan pengarah perunding pihak ketiga kepada majikan Projek berkenaan.

Syarikat memaklumkan MCC tidak memberi peluang kepada JCSB untuk bertindak balas sebelum pembatalan unilateral yang dimaksudkan dan JCSB menafikan sebarang salah nyata atau tiada pendedahan atau salah laku yang menjurus kepada pembatalan itu. JCSB percaya MCC telah menafikan dan membatalkan surat anugerah/subkontrak itu secara salah.

JCSB sedang mendapatkan nasihat undang-undang tentang perkara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam masa terdekat.

[Sumber: Pengumuman Jetson di laman web Bursa Malaysia pada 29 Jun 2017 dan 4 Julai 2017]

#### **KOMEN MSWG:**

Harga saham Syarikat melonjak 27% kepada 50 sen sewaktu pengumuman surat penganugerahan oleh MCC kepada JCSB. Harga sahamnya kemudiannya jatuh 35% kepada 32.5 sen apabila surat itu dibatalkan. Pemegang saham mungkin mengalami kerugian besar sekiranya mereka membeli saham Syarikat selepas pengumuman surat penganugerahan itu. Oleh itu kami berharap pihak pengawal selia dapat mendapatkan penjelasan daripada Jetson dan JCSB ke atas penarikbalikan surat penganugerahan itu dalam notis yang singkat.

#### **TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 10 HINGGA 14 JULAI 2017**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

| <b>Tarikh &amp; Masa</b>      | <b>Syarikat</b>                           | <b>Lokasi</b>                                       |
|-------------------------------|---|---|
| 12.07.17 (Rabu)<br>10.30 pagi | Alliance Financial Group Bhd<br>(AGM/EGM) | InterContinental Kuala Lumpur, 165 Jalan Ampang, KL |

#### **Perkara penting untuk diajukan:**

| <b>Syarikat</b>                           | <b>Perkara/ Isu Untuk Diajukan</b>   |
|---|--|
| Alliance Financial Group Bhd<br>(AGM/EGM) | <p>1. AFG telah mengukuhkan kedudukannya sebagai bank pilihan untuk pemilik perniagaan dengan nic yang kukuh dalam segmen pemilik perniagaan seperti yang dilaporkan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif yang meletakkan AFG sebagai satu daripada 3 kumpulan kewangan teratas dari segi prestasi pulangan daripada ekuiti ("ROE") pada 10.5% dan pertumbuhan pinjaman PKS pada 9.3%.</p> <p>(a) Apakah kelebihan strategik dan metrik prestasi utama Lembaga Pengarah untuk mentransformasikan Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") sebagai entiti yang disenaraikan untuk menggantikan AFG? Apakah yang perlu diteruskan menuju masa hadapan dan seterusnya bagi Kumpulan demi meningkatkan dan menambah baik kedudukan semasa sewaktu berlaku perubahan pasaran dalam sektor perkhidmatan kewangan?</p> <p>(b) Apakah kebimbangan utama Lembaga Pengarah apabila dibandingkan dengan rakan perbankan lain dengan skala ekonomi, harga kompetitif untuk pinjaman dan deposit, kelebihan daya saing daripada nic yang kukuh serta jaringan di seluruh perniagaan Kumpulan yang menawarkan penyelesaian dan keupayaan yang sama, berlatarbelakangkan prospek dan visi</p> |

**Perkara penting untuk diajukan:**

pertumbuhan pesat dalam tempoh 3-5 tahun akan datang untuk Kumpulan?

2. Bolehkah Lembaga jelaskan dan huraikan perkara berikut:

- (a) Strategi dan imbalan optimum antara inisiatif jangka pendek “Perbaiki Hari Ini” yang menjurus kepada kecekapan aset Kumpulan, campuran pembiayaan, pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dan proses operasi serta inisiatif jangka panjang “Bina Masa Hadapan” yang menetapkan matlamat dan seni bina jenama baharu Kumpulan di bawah pelbagai program yang dilancarkan?
- (b) Tempoh masa inisiatif jangka pendek dan jangka panjang ini dan berapa banyak perbelanjaan modal yang akan dibelanjakan untuk seni bina jenama baharu bagi membolehkannya menentukan sifat yang perlu ada pada setiap produk, perkhidmatan atau cadangan nilai bagi memastikan kejayaannya sebelum ditawarkan kepada pengguna sasaran Kumpulan.

---

**SENARAI PEMERHATIAN MSWG**

***MULTI SPORTS HOLDINGS LTD (“MSPORTS”)***

MSports mengumumkan, pada 3 Julai 2017, syarikat itu menerima Notis supaya menunjukkan sebab penyahsenaraian sekuriti MSports dari Bursa Malaysia. Bursa Malaysia memutuskan untuk menolak permohonan syarikat untuk melanjutkan tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam surat syarikat terdahulu yang bertarikh 29 Jun 2017.

MSports dikehendaki membuat representasi bertulis yang disokong oleh bukti yang didokumentasikan, jika ada, kepada Bursa Malaysia dalam tempoh lima (5) hari pasaran dari tarikh notis di atas iaitu pada atau sebelum 10 Julai 2017, menyatakan sebab sekuriti syarikat tidak sepatutnya dikeluarkan daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia.

Sekiranya Bursa Malaysia memutuskan untuk menyahsenarai syarikat itu, sekuriti syarikat akan dikeluarkan daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia apabila tamat tempoh 7 hari pasaran dari tarikh pemberitahuan keputusan untuk menyahsenaraikan syarikat itu atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Bursa Malaysia melainkan jika rayuan dibuat dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sekiranya Bursa Malaysia memutuskan untuk tidak menyahsenaraikan syarikat itu, tindakan/ penalti lain yang bersesuaian mungkin dikenakan mengikut perenggan 16.19 daripada Syarat Penyenaraian Pasaran Utama.

*[Sumber: Pengumuman Msports di laman web Bursa Malaysia pada 4 Julai 2017]*

***XINGQUAN INTERNATIONAL SPORTS HOLDINGS LIMITED (“XINGQUAN”)***

Xingquan mengumumkan syarikat itu masih belum mendapat calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan Ketua Pegawai Kewangan (“CFO”) dalam bulan Jun 2017. Oleh itu syarikat masih tidak dapat menyiapkan Laporan Suku Tahunan ke-3 untuk penyerahan pada pertengahan Julai 2017, seperti yang disasarkan dan diumumkan terlebih dahulu.

Syarikat masih mencari calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan CFO dan Pengarah Bebas dan berharap agar dapat mengisi kekosongan ini secepat mungkin.

[Sumber: Pengumuman Xingquan di laman web Bursa Malaysia pada 30 Jun 2017]

---

## PERKEMBANGAN DAN BERITA DALAM NEGARA

May Producer Price Index rises 8%

<http://www.thesundaily.my/news/2017/06/30/may-producer-price-index-rises-8>

Bzzt! Wrong answers, Lay Hong

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/07/01/bzzt-wrong-answers-lay-hong/>

Divided views on Malaysia's second-half performance

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/07/01/divided-views-on-malaysias-secondhalf-performance/>

Malaysia's May broad money up 4.7% on year – c.bank

<http://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-may-broad-money-47-year-%E2%80%94-cbank>

Bank Negara: Malaysia's headline inflation down to 3.9 pct

<https://www.nst.com.my/business/2017/06/253228/bank-negara-malaysias-headline-inflation-down-39-pct>

Despite April export bump, Malaysian factories hit five-year low

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/despite-april-export-bump-malaysian-factories-hit-five-year-low>

Foreign inflow into govt bonds at RM9b in May, says BNM

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/30/foreign-inflow-into-govt-bonds-at-rm9b-in-may/>

Competitive motor insurance premiums

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/30/competitive-motor-insurance-premiums/>

Suspended FGV CEO Zakaria submits show-cause reply, meets deadline

<http://www.theedgemarkets.com/article/suspended-fgv-ceo-zakaria-submits-showcause-reply-meets-deadline-0>

High Court dismisses Hock Seng Lee shareholder's bid to remove 4 directors

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/29/high-court-dismisses-hock-seng-lee-shareholder-bid-to-remove-4-directors/>

Japan's investment in Malaysia may rise 30pct in 2017

<https://www.nst.com.my/business/2017/06/252691/japans-investment-malaysia-may-rise-30pct-2017>

SC and ASIC Sign Innovation Cooperation Agreement to Establish Fintech Bridge

[https://www.sc.com.my/post\\_archive/sc-and-asic-sign-innovation-cooperation-agreement-to-establish-fintech-bridge/](https://www.sc.com.my/post_archive/sc-and-asic-sign-innovation-cooperation-agreement-to-establish-fintech-bridge/)

Hwang Capital asked to consider selective capital reduction, repayment

<http://www.thesundaily.my/news/2017/07/03/hwang-capital-asked-consider-selective-capital-reduction-repayment>

Goldis revises options for IGB takeover

<http://www.theedgemarkets.com/article/goldis-revises-options-igb-takeover>

No electricity tariff hike for July-Dec period

<http://www.thesundaily.my/news/2017/06/30/no-electricity-tariff-hike-july-dec-period>

XingQuan fails to fill vacant top management roles, to miss report submission deadline

<http://www.theedgemarkets.com/article/xingquan-fails-fill-vacant-top-management-roles-miss-report-submission-deadline>

Non-performing loans to rise – S&P

<http://www.theedgemarkets.com/article/nonperforming-loans-rise-%E2%80%94-sp>

Ire-Tex to block Elite Cosmo from calling more EGMs pending suit disposal

<http://www.theedgemarkets.com/article/iretex-block-elite-cosmo-calling-more-egms-pending-suit-disposal>

---

## PERKEMBANGAN DAN BERITA LUAR NEGARA

Key US inflation measure declines in May

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/key-us-inflation-measure-declines-in-may>

China, not supply, holds key to oil's next move

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/07/01/china-not-supply-holds-key-to-oils-next-move/>

China factory growth unexpectedly quickens but debt risks pressure economy

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/30/china-factory-growth-unexpectedly-quickens-but-debt-risks-pressure-economy/>

Eurozone economic confidence hits decade high

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/30/eurozone-economic-confidence-hits-decade-high/>

Japan big manufacturers' mood improves in Q2 - BOJ tankan

<http://www.theedgemarkets.com/article/japan-big-manufacturers-mood-improves-q2-boj-tankan>

UK consumer confidence slumps on double hit from inflation and weak pay

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/06/30/uk-consumer-confidence-slumps-on-double-hit-from-inflation-and-weak-pay/>

India launches tax revolution amid business doubts

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/india-launches-tax-revolution-amid-business-doubts>

Saudi GDP falls for first time since financial crisis as oil output cut

<http://www.theedgemarkets.com/article/saudi-gdp-falls-first-time-financial-crisis-oil-output-cut>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)  
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Kumpulan Jetson Berhad.*
- 

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*